Ringkasan Pernyataan Dasar Monetari (MPS): Mac 2024



Apakah keputusan BNM?

BNM mengekalkan OPR pada 3%

- Tahap OPR ini selaras dengan keadaan ekonomi yang kukuh dan kekal menyokong pertumbuhan
- Pembiayaan kekal tersedia berikutan pertumbuhan kredit yang berterusan

Apakah perkembangan ekonomi terkini?

Ekonomi Malaysia masih terus berkembang

- Pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan menyokong perbelanjaan isi rumah
- Pertumbuhan eksport menjadi positif berikutan perdagangan global yang bertambah baik
- Perniagaan tempatan mendapat manfaat daripada ketibaan dan perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi
- Pelaksanaan projek pelaburan swasta dan awam terus lancar
- Nilai ringgit berada di bawah nilai saksama. Kerajaan dan Bank Negara Malaysia sedang melaksanakan tindakan terselaras bagi memberikan sokongan kepada ringgit



Inflasi kekal rendah berikutan keadaan kos dan permintaan yang stabil



Apakah prospek ekonomi?

Pada tahun 2024, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih baik manakala inflasi akan terus sederhana

- Aktiviti perdagangan global yang lebih kukuh akan meningkatkan lagi eksport negara
- Pelaksanaan dasar dalam negeri akan mempengaruhi prospek pertumbuhan dan inflasi
- BNM akan memastikan OPR terus menyokong pertumbuhan dan pada masa yang sama terus mengawal inflasi

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA